



DALAM NEGERI

Lima GLC Sumbang RM40.15 Juta Kepada Hasil Negeri

, 3 hours ago

🕒 2 min

IPOH, 17 Dis – Sebanyak lima syarikat berkaitan kerajaan (GLC) yang telah memberi sumbangan kepada hasil negeri, sehingga kini.

Menteri Besar, Datuk Seri Saarani Mohamad berkata, setakat 16 Disember 2021 jumlah sumbangan GLC yang telah diterima adalah RM40.15 juta.

Menurutnya, daripada jumlah itu, Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak (PPNP) menyumbangkan RM17 juta, Perbadanan Setiausaha Kerajaan Negeri Perak (SSI) (RM5 juta), Perbadanan Menteri Besar (MB Inc.)(RM3 juta), Lembaga Air Perak (LAP)(RM15 juta) dan Digital Perak Corporations Holding (DPCH)(RM150,000).

“Selain daripada itu, pada tahun 2021, PPPNP telah berupaya menghasilkan sebanyak RM22 juta, manakala MB Inc. menghasilkan sebanyak RM50 juta dalam bentuk royalti bahan batu bagi tahun 2019 hingga tahun 2021, sementara LAP pula menyumbang RM25 juta bagi tahun 2021 bayaran royalti air mentah,” katanya ketika menggulung perbahasan pada persidangan Dewan Negeri Perak, hari ini.

Beliau berkata, terdapat juga sumbangan secara langsung kepada rakyat melalui inisiatif-inisiatif bagi merancakkan sektor pertanian dan usahawan serta program-program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR).

Beliau memberi contoh, PPPNP telah melancarkan program pertanian bandar dengan jumlah keluasan sekitar 7.47 ekar serta melibatkan 6,540 peserta, selain pembangunan hub halal daging Perak dalam melonjakkan pengeluaran daging lembu di negeri ini.

Menteri Besar berkata, usahawan-usahawan di Perak juga mendapat sokongan agensi kerajaan negeri seperti PPPNP, Yayasan Perak, Yayasan Bina Upaya melalui program-program pembangunan usahawan yang menyediakan geran, pinjaman tanpa faedah, kursus, serta program pemantapan usahawan.

Menurutnya, dalam usaha untuk memastikan agensi memfokuskan teras perniagaan masing-masing, beberapa inisiatif telah dilaksanakan.

Contohnya, kata beliau, PKNPk sedang melaksanakan Pelan Transformasi Halatuju Accepting Reality & Moving Forward melibatkan tiga fasa mitigasi atau pemulihan, penyatuan segmen perniagaan dan rangka halatuju.

“PKNPk mengambil pendekatan untuk memanfaatkan sumber sedia ada dan melaksanakan consolidation of business activities bagi memastikan hanya anak syarikat yang berpotensi dan berdaya saing sahaja dikekalkan.

“Ini bagi memastikan PKNPk kekal fokus kepada bidang utama atau khusus yang dapat menjana pendapatan yang konsisten dan sekaligus menyokong aspirasi kerajaan negeri melalui Pelan Perak Sejahtera 2030,” jelas beliau.